

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO  
[ PUCHONG ]**

**TARIKH : 12 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7507**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Sing Deo (Puchong)** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada surat yang ditulis oleh Menteri Dalam Negeri kepada FBI di Amerika Syarikat dalam kes Paul Phua Wei Seng adalah mengikut prosedur yang ditetapkan dan sama ada surat-surat sedemikian pernah ditulis bekas Menteri-Menteri Dalam Negeri dan secara spesifik menteri mana, untuk kes mana dan bila dan kenapa tidak Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 diguna pakai dalam kes Paul Phua Wei Seng.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menerima surat daripada firma guaman Tetuan Shafee & Co., Peguambela & Peguamcara yang bertindak bersama firma guaman Tetuan Chesnoff & Schonfeld yang beribu pejabat di Amerika Syarikat sebagai peguambela kepada Paul Wei Seng atau Paul Phua dalam satu kes mahkamah di negara tersebut. Surat tersebut atas dasar permohonan yang dibuat peguambela bagi pihak Paul Phua dan KDN membalas surat tersebut kepada FBI untuk memberi kerjasama sepertimana yang diminta di dalam surat tersebut.**